

25 JAN 1999
DANA-KAWALAN
PELABUR KINI LEBIH MEMAHAMI KAWALAN MODAL

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Para pelabur lebih gemarkan pasaran bebas apabila melabur tetapi sebaliknya, masalah Malaysia yang memerlukan kawalan matawang kini lebih difahami dan dihargai oleh mereka, kata Cik Yeo Kar Peng, ketua wakil ekuiti Malaysia dari Salomon Smith Barney Malaysia.

Para pelabur mahukan kelesesaan membawa keluar masuk wang, beliau memberitahu Bernama selepas mesyuarat antara pengurus-pengurus dana asing dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari.

"Bagaimanapun, mereka kini memahami bahawa kawalan matawang amat diperlukan dan aplikasinya amat ketara, lebih-lebih lagi dengan adanya kejatuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh separuh kedua tahun lalu.

"Orang ramai memahami mengapa kita perlu melaksanakan kawalan modal. Persoalannya sekarang ialah sama ada kita akan menarik baliknya atau ia akan diperbaiki lagi," tambahnya.

Mengenai iklim pelaburan semasa, Yeo berkata ia kini semakin positif berikutan perkembangan baru-baru ini.

Kadar faedah semakin menurun dengan begitu ketara, harga-harga saham di bursa saham semakin meningkat manakala akaun luar negara telahpun meningkatkan keyakinan para pelabur.

Pada masa yang sama, masalah mudahtunai yang dihadapi syarikat-syarikat semakin lega dan fasa berikutnya akan menyaksikan syarikat-syarikat ini melaksanakan penyusunan hutang mereka.

Beliau berkata bahawa pengurus-pengurus dana dari Eropah dan Amerika Syarikat berpendapat bahawa suasana pelaburan Malaysia sekarang adalah positif.

Pengurus-pengurus dana itu telah mendapat banyak maklumat mengenai reformasi kewangan semasa pertemuan mereka dengan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, Danamodal Nasional Bhd dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat.

Pada mesyuarat hari ini, Yeo berkata Dr Mahathir mengulangi betapa perlunya kawalan modal diadakan dan beliau juga menyatakan tentang kejayaan yang dicapai oleh Malaysia sejak dua bulan kebelakangan, terutamanya berhubung dengan akaun luar negara.

Perdana Menteri berkata Malaysia mampu membiayai belanjawan defisitnya dalam separuh pertama tahun 1999 dengan RM2.3 bilion yang dikumpulkan di luar negara dan dari simpanan dalam negeri.

Yeo berkata pengurus dana tidak menghadapi masalah dengan kawalan modal tetapi mereka benar-benar ingin tahu jika ringgit yang ditetapkan pada dolar Amerika akan dikaji semula.

Katanya perdana menteri memberitahu pengurus dana itu bahawa Malaysia mungkin menimbang untuk mengkaji semula penetapan ringgit tersebut.

Bagaimanapun Dr Mahathir menegaskan bahawa ia bergantung pada keadaan. Jika ia menjadi masalah bagi Malaysia, maka perkara itu akan dikaji semula. Tetapi ia bukannya sesuatu yang akan dilakukan segera.

Sementara itu, Gordy Holterman dari SF Sentry syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat berkata masalah ekonomi Malaysia paling buruk telahpun berlalu dan para pelabur akan kembali semula pada akhirnya.

Katanya perbincangan dengan Dr Mahathir Mohamad hari ini berkisar pada iklim pelaburan di Malaysia.

Holterman, yang syarikatnya bergiat cergas di pasaran-pasaran sedang muncul Asia, adalah antara 28 pengurus dana yang menghadiri mesyuarat itu

yang turut disertai oleh Prudential Investment Management, Loomis, AIG London, Black Rock Financial, TCW, Guinness Flight Hambro Asset Management, Columbus Advisors dan Fineco.

-- BERNAMA

AA SHO MA